

43

**SOALAN NO: 29**

**97.3%** daripada responden menggunakan Facebook manakala **56.1%** menggunakan Instagram sebagai laman sosial utama mereka. Berkaitan dengan penggunaan khidmat penghantaran pesanan, hampir kesemua pengguna Internet (**96.3%**) menggunakan Internet untuk menghantar mesej melalui Over-The-Top (OTT) platform seperti WhatsApp dan sebagainya.

Meskipun mempunyai kadar penggunaan yang tinggi, pihak SKMM hanya menerima sejumlah **20** aduan dalam tahun 2017, bagi kandungan melibatkan kanak-kanak di media sosial, dan Internet amnya. Kesemua aduan tersebut disusuli tindakan oleh SKMM, termasuk siasatan dan tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Dalam tempoh yang sama juga (tahun 2017), berlandaskan aduan awam serta jalinan kerjasama dengan PDRM, pihak SKMM telah menyekat sejumlah **155** laman berunsur pornografi kanak-kanak.

Jalinan kerjasama antara SKMM dengan pihak PDRM juga dijalin meliputi aspek siasatan dan pendakwaan bagi kegiatan jenayah membabitkan kanak-kanak, yang secara khusus tertakluk di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta A1511), dan Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) di bawah bidang kuasa pihak PDRM. Antara bantuan-bantuan yang diberikan oleh SKMM kepada PDRM termasuklah dari segi pembekalan maklumat serta bantuan forensik digital.